

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.03.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil dan sama ada Kerajaan akan mengarahkan Ketua Audit Negara untuk menyiasat Malaysia Airports Holding Bhd. (MAHB) mengenai skandal pembinaan KLIA2 yang bernilai RM4 bilion seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) merupakan salah satu

projek yang telah diumumkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun 2010. Kos bagi pembinaan KLIA2 dibiayai sepenuhnya oleh Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) tanpa peruntukan kewangan daripada Kerajaan.

2. Berdasarkan hasil penemuan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) ke atas isu berhubung KLIA2 seperti yang diumumkan pada bulan November 2014, PAC telah mengesyorkan supaya Jabatan Audit Negara (JAN) membuat pengauditan menyeluruh ke atas segala penemuan PAC bagi mengenalpasti masalah-masalah yang timbul. Pengauditan ke atas prestasi MAHB akan melibatkan model pembangunan KLIA dan KLIA2 daripada segi perancangan, pelaksanaan dan kewangan.

3. Kementerian Kewangan bersama Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Audit Negara kini masih meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan oleh PAC dan akan mengemukakan satu kertas untuk pertimbangan Jemaah Menteri.